

08 APR 2001

Kayveas-Rumah

KAJI UNDANG-UNDANG TERHADAP PEMILIK LEBIH SEBUAH RUMAH KOS RENDAH

MELAKA, 8 April (Bernama) -- Kerajaan bercadang mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang untuk menghalang pembeli rumah kos rendah memiliki lebih daripada sebuah rumah jenis itu terutama di kawasan bandar-bandar besar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Senator Datuk M Kayveas berkata kajian itu perlu memandangkan ada pihak menggunakan nama orang lain untuk mendapatkan lebih daripada sebuah rumah kos rendah dan ini menutup peluang orang yang benar-benar memerlukan rumah.

"Kita perlu kaji satu undang-undang atau meminda akta sedia ada (Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan) bagi membolehkan kerajaan mengambil tindakan ke atas orang yang didapati membeli rumah kos rendah lebih dari sebuah bagi mengelakkan mereka mengambil untung secara mudah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat anggota majlis tertinggi Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di sini, hari ini.

Beliau berkata orang ramai juga perlu melaporkan kepada kerajaan jika mengetahui perkara itu bagi memastikan mereka yang layak sahaja mendapatkan rumah kos rendah.

"Orang yang boleh membeli rumah kos rendah lebih daripada sebuah sepatutnya tidak layak membeli rumah jenis itu, dan ada sesetengah mereka terutamanya di bandar besar membuat pelaburan membeli rumah berkenaan untuk disewakan kepada orang lain," katanya.

Kayveas berkata kementerian akan bekerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk mengatasi masalah itu terutamanya pemilik yang mempunyai lebih daripada sebuah rumah kos rendah di negeri lain.

"Usaha kerajaan adalah untuk menyediakan rumah kos rendah kepada mereka yang tidak mampu dan berpendapatan rendah seperti setinggan... bagaimanapun, ada penduduk setinggan yang tidak layak mendapat rumah berkenaan kerana memiliki kenderaan mewah, peralatan mewah dan sebagainya," katanya.

Selain itu, katanya kerajaan bersama kerajaan-kerajaan negeri akan mengenal pasti masalah-masalah setinggan untuk mengelak kejadian tidak diinginkan berlaku berikutan kesempitan hidup dan kekurangan kemudahan.

"Perancangan awal ialah dengan memberikan kemudahan elektrik dan air dan di peringkat seterusnya, kita akan berusaha untuk menyediakan rumah kos rendah bagi mereka mendapat keselesaan hidup," katanya.

Kayveas yang juga Presiden PPP berkata parti itu mengalu-alukan kenyataan anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin negara.

Katanya PPP yang mempunyai 320,000 anggota di seluruh negara yakin kepimpinan Dr Mahathir mampu mewujudkan kestabilan, keharmonian dan kemajuan negara.

"PPP sebagai komponen Barisan Nasional (BN) berpendapat dalam keadaan gawat, Dr Mahathir mampu mengatasi masalah itu dan Malaysia menjadi negara yang maju di Asia," katanya.

Kayveas berkata mesyuarat tertinggi parti itu turut mencadangkan BN mewujudkan garis panduan di kalangan calonnya semasa pilihan raya agar tidak meletakkan jawatan setelah menang kerana ia memberi kesulitan kepada parti.

"Selain itu, PPP akan mencadangkan agar pemimpin yang mahu mendedahkan kesalahan orang lain, perlu disiasat terlebih dahulu kerana mereka membuat tuduhan setelah tidak memperolehi sokongan dan kemungkinan kesalahan yang

dibuat itu telah lama berlaku," katanya.

Sikap pemimpin seperti itu, katanya menyusahkan parti yang mereka anggotai dan komponen BN kerana ia melibatkan parti BN secara tidak langsung.

-- BERNAMA

SBS NAK